

11 FEB 1998

KEDAH DIPELAWA BERLATIH BERSAMA FULHAM

ALOR SETAR, 11 Feb (Bernama) -- Pasukan bola sepak Kedah telah ditawarkan oleh jutawan Mohamad Al Fayed untuk menjalani latihan bersama kelab Fulham miliknya di England.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid berkata Al Fayed membuat tawaran itu kepadanya ketika pemilik gedung membeli belah Harrods itu melawat Langkawi bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco kerajaan negeri di sini hari ini, Sanusi yang juga Presiden Persatuan Bola Sepak Kedah, berkata Al Fayed membuat tawaran itu bagi membantu pasukan Kedah meningkatkan prestasinya.

"Pelawaan itu akan diputuskan kemudian dan jika kerajaan negeri bersetuju, hanya skuad utama yang terlibat dalam Liga Malaysia sahaja akan dihantar ke sana," katanya.

Fulham yang kini bermain dalam Divisyen Dua dalam Liga Inggeris, dikendalikan oleh Kevin Keegan, bekas penyerang handalan England yang pernah membimbing Newcastle United. -- BERNAMA

MAN MAI